



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENGHARGAAN KELAB RUKUN NEGARA DAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA SEMPENA 50 TAHUN RUKUN NEGARA DAN PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN VIDEO PENDEK PERPADUAN

6 Ogos 2020, Kuala Lumpur – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Sadique hari ini telah menyerahkan sijil penghargaan kepada sepuluh (10) orang wakil Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) yang telah bersama menjayakan Majlis Pelancaran Sambutan 50 Tahun Rukun Negara yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin pada 9 Julai 2020 yang lalu.

2. Pada majlis yang sama, beliau turut menyerahkan *Mock Cheque* Sijil Simpanan Premium BSN kepada sembilan (9) orang pemenang Pertandingan Video Pendek Bertemakan “Perpaduan Dan Norma Baharu” yang dianjurkan pihak Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Bank Simpanan Nasional, dan Media Prima Berhad pada 10 Mei hingga 10 Jun 2020 yang lalu.

3. KRN telah mula ditubuhkan sekolah-sekolah Malaysia pada tahun 2000 diikuti dengan penubuhan SRN di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) pada tahun 2004. Sehingga kini, terdapat 6,621 KRN ditubuhkan merangkumi 5,864 sekolah rendah dan menengah kebangsaan, 521 sekolah rendah dan menengah jenis kebangsaan Cina dan 236 SRJK Tamil. Bagi SRN pula, terdapat 172 telah ditubuhkan di IPT diseluruh Malaysia.



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

4. Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara merupakan platform berkesan dalam menyemai dan memperkukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar dan mahasiswa. Selain itu KRN dan SRN juga berperanan meningkatkan kesedaran untuk mempraktikkan lima prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian ke arah melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka dan beretika sejajar dengan wawasan negara.

5. Dalam usaha memperkasakan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia di dalam menangani wabak COVID-19 ini, Kementerian Perpaduan Negara turut menganjurkan program perkongsian video pendek di dalam tiga (3) kategori dan seramai 39 orang pemenang-pemenang pertandingan menerima Sijil Simpanan Premium BSN dengan nilai keseluruhan RM13,000.00.

Kementerian Perpaduan Negara

6 Ogos 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (17)